

'MOUSE' merupakan sebuah siri drama bergenre psiko thriller diarahkan oleh Choi Joon-Bae dan Kang Cheol-Woo dan ditulis oleh Choi Ran. Drama bersiri 23 episod ini menampilkan barisan pelakon terkenal Korea, Lee Seung-Gi sebagai teraju utama, bersama-sama pelakon hebat lain seperti Lee Jee-Hoon dan Park Ju-Hyun.

Siri yang sarat dengan babak saspens serta aksi mendebarkan ini mengisahkan konfrontasi pegawai polis Ko Moo-Chi (Lee Jee-Hoon) dengan seorang pembunuh bersiri. Drama yang ditayangkan pada Mac hingga Mei 2021 ini diinspirasi daripada kes pembunuhan sebenar "Incheon Elementary School Murder" (2017) yang berlaku di Korea Selatan.

### Sinopsis

Pada tahun 1995, Korea digemparkan dengan kes-kes pembunuhan ngeri yang dilakukan oleh penjenayah psikopat bergelar *The Head Hunter*, yang akhirnya berjaya ditangkap polis. Choi Yeung-Shin, yang merupakan Ketua Setiausaha Negara pada ketika itu, percaya dunia tanpa jenayah itu boleh wujud jika genetik psikopat ini dihapuskan. Choi menyokong penuh usaha untuk meluluskan *Kill Psychopath Fetus Bill* di parlimen, iaitu suatu undang-undang yang mengkehendaki wanita yang hamil hasil daripada hubungan dengan penjenayah psikopat untuk menggugurkan kandungan mereka. Namun, usaha Choi gagal di peringkat awal lagi.

25 tahun kemudian, Korea digemparkan sekali lagi dengan kes-kes pembunuhan kejam yang mirip dengan kes *The Head Hunter*. Kes ini diasat oleh Detektif Ko Moo-Chi dan Jeong Ba-Reum (Lee Seung-Gi). Ba-Reum merupakan seorang polis yang sangat disenangi oleh semua kerana sikapnya yang penyayang, naif dan lemah lembut. Gabungan kedua-dua pegawai polis ini telah berjaya menyelongkar banyak misteri di masa silam dan kini. Kali ini, Moo-Chi percaya bahawa kes-kes pembunuhan di bawah siasatan mereka saling berkaitan dan dilakukan oleh seorang psikopat juga.

Di sebalik tanggungjawab sebagai seorang pegawai polis, sebenarnya Ba-Reum adalah psikopat yang telah menyebabkan keres-



Dari kiri: Lee Seung-Gi dan Lee Jee-Hoon ▲  
Sumber Gambar: Mouse

han dalam kalangan rakyat Korea. Semenjak kecil, Ba-Reum tidak memiliki emosi atau rasa bersalah terhadap jenayah yang dilakukannya. Kebajikan yang ditunjukkan hanyalah sebagai topeng untuk melangsungkan pembunuhan kejam tersebut tanpa dikesan.

Di pertengahan siri drama ini, sesuatu telah berlaku sehingga menyebabkan Ba-Reum kehilangan ingatan. Ba-Reum tidak lagi seperti dahulu. Perlahan-lahan dirinya dibalut rasa bersalah mengenang kekejamannya. Namun, misteri drama ini tidak terhenti di situ sahaja. Setiap kali Ba-Reum cuba mengakui kesalahannya, ada saja kelibat misteri yang cuba menggagalkan usaha tersebut. Kesemua bukti yang dikaitkan dengan Ba-Reum seringkali terhapus, seolah-olah dia dilorongkan jalan untuk terus membunuh.

Akhirnya, Ba-Reum bertemu dengan jawapan sebenar. Rupa-rupanya Ba-Reum selama ini adalah tikus makmal kepada Choi dalam usahanya membuktikan kepada dunia bahawa na-

## DRAMA MOUSE | 마우스

### Prinsip Keadilan Yang Diabaikan

Oleh: Anie Farahida Omar

luri membunuh itu sebati di dalam diri mereka yang mempunyai genetik psikopat. Sejak kelahiran Ba-Reum lagi, Choi telah tahu bahawa Ba-Reum merupakan anak kepada *The Head Hunter*. Choi telah menubuhkan satu pasukan yang bertanggungjawab untuk memperhatikan tingkah laku Ba-Reum selama hayatnya. Pasukan Choi juga telah mengumpun Ba-Reum agar dia terus melakukan pembunuhan. Choi mahu membuktikan teorinya dan bertekad untuk meluluskan *Kill Psychopath Fetus Bill* dengan apa jua cara. Ba-Reum adalah 'contoh terbaik' dalam mencapai tujuan tersebut.


#### *Presumption of Innocence*: Prinsip Keadilan Yang Diabaikan

Di pengakhiran cerita, pengarah drama telah berjaya meraih simpati penonton terhadap Ba-Reum yang kini telah bertaubat dan meletakkan penonton dalam dilema. Pengarah mengajak kita berfikir bahawa setiap kejahatan yang ber-

laku itu pasti ada kisah di sebaliknya, seterusnya menilai adakah wajar peluang kedua diberi meskipun kejahatan yang dilakukan itu amat kejam? Namun, dari perspektif undang-undang, pengulas melihat drama ini telah mengabaikan satu aspek yang sangat penting, iaitu prinsip undang-undang yang menganggap anda tidak bersalah sehingga dibuktikan sebaliknya iaitu "*Presumption of Innocence* (POI)".


POI adalah suatu prinsip di bawah undang-undang jenayah bahawa seseorang itu tidak boleh disabitkan dengan sebarang kesalahan melainkan dibuktikan sebaliknya. Apabila seseorang dituduh di mahkamah, beban pembuktian terletak di bahu pihak pendakwaan bagi membuktikan pertuduhan tersebut. Untuk memudahkan pemahaman pembaca, pengulas menghuraikan prinsip ini melalui ilustrasi berikut:

Hadi mengugut untuk mencederakan Joe dengan pisau jika Joe cuba mengganggu lagi isterinya. Keesokan hari, Joe ditemui mati di



"Only science can solve the crimes of this world. Terminating potential killers before they are born so that we can live in Utopia without murders, battles and wars, is my ultimate goal. In the world I dream of, a psychotic killer like you should not exist. You won't be brought to term."— Choi Yeung Shin

Konfrontasi antara Choi Yeung-Shin dan Ba-Reum dalam episode akhir 'Mouse'. Sumber Gambar: Mouse ▲



Sumber Gambar: Mouse ▲

pejabatnya. Atas latar belakang kisah yang telah berlaku di antara Hadi dan Joe, akan timbul syak, adakah Hadi telah membunuh Joe? Meskipun Hadi dikatakan mempunyai motif kerana ugutan yang telah berlaku, fakta tersebut tidak semestinya membuktikan bahawa Hadi adalah pembunuh.

Sebelum dakwaan dilakukan ke atas Hadi, antara perkara yang perlu diberi perhatian oleh pendakwa raya ialah apakah punca sebenar kematian? Bilakah waktu kematian? Di manakah Hadi pada waktu kejadian? Apakah senjata pembunuhan jika Joe mati dibunuh?

Siasatan awal pihak polis mendapati terdapat kesan cedera di kepala dan badan mangsa. Laporan hasil bedah siasat pula menunjukkan punca kematian adalah disebabkan trauma di dada kerana hentakan menggunakan objek tumpul. Waktu kematian dianggarkan berlaku di antara jam 8–12 malam.

Pasukan forensik turut mengambil bukti sapan darah daripada kuku mangsa untuk siasatan lanjut. Keputusan menunjukkan terdapat penemuan DNA milik Hadi pada bukti tersebut. Rakaman CCTV juga menunjukkan Hadi telah memasuki pejabat mangsa pada hari kejadian di sekitar jam 9 malam, kemudian dia keluar dalam keadaan tergesa-gesa. Setelah hasil siasatan selesai, pihak pendakwa memutuskan mereka mempunyai bukti yang kukuh untuk mendakwa Hadi di bawah **Seksyen 302 Kanun Keseksaa**n bagi kesalahan membunuh.

Meskipun bukti-bukti yang dibentangkan jelas menunjukkan Hadi berkemungkinan besar membunuh Joe, namun Hadi masih mempunyai peluang untuk membela diri. Sekiranya Hadi berjaya menimbulkan sebarang keraguan yang munasa-

Di penghujung cerita, 'Mouse' meninggalkan persoalan yang menarik kepada penonton. Adakah Tuhan telah memberi peluang kedua kepada Ba-Reum atau mahu menghukumnya?

"In the end, he died in extreme pain and misery, as he repented for his sins. Did the God do that to punish him or to save him?" - Ko Moo-Chi

bah (*reasonable doubt*), ini bermakna pihak pendakwa telah gagal membuktikan kes *prima facie* (pada pandangan pertama) terhadap Hadi. Maka, Hadi akan dipanggil untuk membela diri.

Hadi boleh membela diri dengan membuat keterangan balas atau mengemukakan bukti dan saksi bagi tujuan tersebut. Sebagai contoh, rakaman CCTV menunjukkan terdapat kelibat yang tidak dikenalpasti keluar dari tempat kejadian pada jam 8.30 malam. Hadi boleh sahaja mengakui bahawa dia telah pergi berjumpa dengan mangsa tetapi dengan tujuan untuk memohon maaf kerana salah faham yang telah timbul antara mereka berdua.

Hal ini dibuktikan contohnya, melalui teks WhatsApp yang dikirim oleh Hadi beberapa jam sebelum kejadian. Kemudian, apabila tiba di tempat kejadian, Hadi mendapati Joe terbaring dalam keadaan berlumuran darah. Kerana terlalu panik, Hadi berlari pulang dan menceritakan kepada abangnya, Rizwan, tentang apa yang berlaku. Rizwan pula telah menghubungi ambulans sebaik saja mengetahui hal tersebut. Rizwan kini merupakan saksi penting dalam membantu Hadi untuk membebaskan diri daripada kesalahan membunuh.

Hasil bedah siasat turut menemukan DNA yang tidak dikenalpasti di kuku mangsa. Melalui keterangan saksi dan bukti yang dibentangkan, pihak mahkamah akan mempertimbang hujah kedua-dua pihak dan memutuskan sama ada Hadi bersalah atau tidak. Sekiranya hujah pihak pembelaan berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah, maka Hadi akan didapati tidak bersalah.

Berdasarkan ilustrasi di atas, kita dapat melihat betapa sukarnya tugas pendakwa raya untuk mensabitkan seseorang dengan suatu kesalahan

## ANIE FARAHIDA OMAR



[aniefarahida@uitm.edu.my](mailto:aniefarahida@uitm.edu.my)

### PROFIL

Farah merupakan seorang pensyarah undang-undang di UiTM Kampus Seremban.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Ijazah Sarjana dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan seterusnya telah menyambung pengajian di peringkat Doktor Falsafah di Chosun University, Korea Selatan.

Bidang kajian beliau adalah Undang-Undang Perlembagaan dan Hak Asasi Manusia.

Sebelum memegang jawatan sebagai pensyarah, beliau mempunyai pengalaman bekerja sebagai peguam, pembantu penyelidik undang-undang, pembaca pruf, penterjemah, penulis majalah, pengulas buku dan pembantu di International Office, Chosun University.

Farah sangat meminati karya-karya Datuk A. Samad Said dan Andrea Hirata. Beliau turut mempunyai koleksi kisah-kisah klasik dan hikayat dari pelbagai negara.

Selain itu, beliau merupakan peminat tegar dan pengumpul animasi dan komik Jepun.

Farah juga gemar mengulas tentang filem dan drama, di samping berkongsi kisah-kisah beliau bersama para pelajar di media sosial. Penulisan beliau boleh diikuti di Instagram Tsukushi No Tuji.

반가워요  
Nice to meet you



jenayah. Melainkan terdapat pengakuan bersalah daripada tertuduh, pensabitkan jenayah menuntut proses yang panjang dan renyah.

Pengulas mengakui bahawa meskipun siri drama Mouse ini mempunyai plot penceritaan yang menarik dan mengujakan, namun, premis drama ini bersandar kepada idea yang dangkal dan mampu mengelirukan penonton yang tidak memahami prinsip POL. Lebih mengecewakan lagi apabila di episod akhir, Choi berjaya meyakinkan rakyat Korea supaya *The Kill Psychopath Fetus Bill* diluluskan.

Persoalannya, bagaimana Choi begitu pasti dan boleh terus menghukum bayi kepada seorang penjenayah psikopat turut mempunyai genetik psikopat dan bakal menjadi seorang penjenayah, sedangkan jenayah tersebut belum dilakukan? Bagaimana pula dengan fakta bahawa jenayah tetap akan berlaku tanpa mengira genetik psikopat itu wujud atau tidak? Hakikatnya, tidak semua jenayah itu dilakukan oleh psikopat. Jenayah boleh berlaku atas pelbagai sebab, contohnya kerana berlakunya provokasi, dendam, hilang kewarasan akibat mabuk atau dadah, cemburu dan sebagainya. Kita tidak boleh mengangap bahawa psikopat adalah punca utama kepada berlakunya jenayah di dunia ini. Tambahan pula, pasukan Choi sendiri telah bertindak menghasut Ba-Reum untuk terus melakukan jenayah.

Ingatlah, *there are always two sides to every story*. Mengambil kes Hadi sebagai contoh, walaupun pendakwa raya mempunyai bukti yang kukuh untuk mengaitkan Hadi dengan jenayah membunuh, namun keterangan di pihak Hadi boleh membuktikan sebaliknya pula. Oleh itu, amat penting untuk difahami bahawa keadilan tidak tertegak atas pandangan zahir semata-mata. Sebaliknya, keadilan yang dilaksanakan harus beralas kepada fakta, bukti dan hujah kesemua pihak.

**Nota kaki:** Sekiranya para pembaca berminat dengan konsep drama Mouse ini, penulis menyarankan anda untuk menonton filem *Minority Report*, lakonan Tom Cruise sebagai perbandingan.